

Banjir akibat banyak projek di kawasan hijau

Oleh **FAIZAL ZAKARIA**
mohdfaizal@kosmo.com.my

KUALA LUMPUR - Pembangunan pesat di ibu negara sehingga mengurangkan kawasan hijau dan tanah terbuka secara signifikan dikenal pasti sebagai punca utama banjir kilat yang kian sering berlaku sejak kebelakangan ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dr. S. Subramaniam berkata, keadaan itu bertambah buruk kerana air hujan kini tidak lagi dapat ditampung oleh sistem saliran sedia ada.

"Keadaan ini dapat dilihat pada musim tengkujuh atau peralihan monsun sekarang terutama jika paras hilir sungai sudah tinggi.

"Kejadian banjir kilat di



RAH yang terperangkap dalam banjir kilat di Lembah Klang Beraaja di Selat Selat.



KERETA Perlah Perlah yang terhempas hang tempo dalam kejadian hujan lebat Pandan Indah samalam.

Ramai naik angin kerana banjir

—NAN HOAYAT DAN AZME

KUALA LUMPUR - Sempatlah kami menulis tentang banjir kilat yang melanda Lembah Klang pada minggu lalu. Kini, banjir kilat kembali melanda Lembah Klang.

Kemungkinan banjir kilat akan berlaku di kawasan ini kerana pembangunan pesat di kawasan hijau dan tanah terbuka secara signifikan.

KERATAN KOSMO! 7 April.

Lembah Klang akan berlaku pada bila-bila masa jika keadaan ini terjadi," katanya sebagai mengulas pendedahan muka depan **KOSMO!** yang melaporkan banjir kilat terjadi akibat tindakan segelintir penduduk yang gemar membuang sampah ke dalam sis-



tem saliran. Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Wira Abu Seman Yusop baru-baru ini dipetik berkata, sikap manusia menjadikan sungai tong sampah sehingga sanggup membuang tilam dan peti sejuk ke dalam saliran itu mem-

burukkan keadaan.

Subramaniam menjelaskan, sistem perparitan di negara ini tidak lagi mencukupi dari segi saiz dan ada yang telah hilang kecerunan sekali gus meningkatkan risiko banjir kilat.

Sebagai langkah awal, Kementerian berkenaan telah berbincang dengan pihak berkuasa tempatan (PBT) untuk membina lebih banyak kolam takungan banjir di tempat-tempat strategik.

"Saya berharap penguat kuasa PBT menggunakan kuasa yang diperuntukan kerajaan dalam menyelesaikan masalah ini.

"Kerajaan dapat menjimatkan wang rakyat berjuta-juta ringgit sekiranya penguat kuasa dapat menghalang kejadian pembuangan sampah," tambahnya.